

14 FEB 1996

Mahathir-Lawatan

MAHATHIR LAWAT VIETNAM BULAN DEPAN

Oleh: Rachman Nordin

HANOI, 14 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melawat Vietnam awal bulan depan, menurut pengumuman Kementerian Luar Vietnam hari ini.

Lawatan itu merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Vietnam dalam masa empat tahun dan yang pertama oleh seorang ketua kerajaan Asean tahun ini.

Kenyataan satu perenggan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akhbar dan Penerangan kementerian itu hari ini berkata semasa lawatan itu "Malaysia dan Vietnam akan membincangkan langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara."

Bagaimanapun ia tidak memberi butiran lain mengenai lawatan itu dengan menyatakan bahawa ia sedang dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

Butiran lawatan itu juga tidak dapat diperolehi daripada Kedutaan Malaysia di sini tetapi persiapan yang sedang dibuat oleh sesetengah syarikat penting Malaysia di sini membayangkan lawatan Dr Mahathir itu akan menjadi lawatan kerja yang sibuk.

Persiapan sedang dilakukan untuk Dr Mahathir merasmikan cawangan Maybank di sini yang dibuka pada September tahun lepas.

Beliau juga dijadualkan merasmikan upacara pecah tanah bagi pembinaan zon pemprosesan eksport (EPZ) yang sedang dimajukan oleh sebuah anak syarikat Kinta Kellas Group dari Malaysia di samping melawat projek yang dilaksanakan dengan pelaburan Malaysia di wilayah Danang di bahagian tengah negara ini dan pusat perniagaan Bandaraya Ho Chi Minh di selatan.

Sebuah konsortium Malaysia sedang memajukan EPZ di Danang manakala Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) dan Malaysia Glass mempunyai kilang-kilang usahasama di Bandaraya Ho Chi Minh. -- BERNAMA

RN NMO